

HD
7284.77
H87
1982

INSTITUT TEKNOLOGI MARA
KAJIAN SENIBINA, PERANCANGAN & UKUR
JABATAN PERANCANG BANDAR & WILAYAH

Adalah disyorkan bahawa tesis ini yang disediakan oleh
HUSNI BIN YAHYA


bertajuk KONSEP IN-SITU LANDSKAP - SATU PENILAIAN
PERANCANGAN LANDSKAP, KAJIAN KES BANDAR BARU DURIAN
MAS DAN RASAU KERTEH

dibawah penyeliaan saya/kami diterima sebagai memenuhi
sebahagian dari syarat untuk Diploma Lanjutan Perancang
Bandar dan Wilayah.

Diluluskan oleh:


(SALEHATON HUSSEIN SAZALLY)
PENYELIA UTAMA


4/5/82


(DAVID YAP BOO HEONG)
PENYELIA MADYA

4/5/82

FOTOSTAT TIDAK DIBENARKAN

KONSEP IN-SITU LANDSKAP
SATU PENILAIAN PERANCANGAN LANDSKAP

Kajian Kes: Bandar Baru Durian Mas dan Rasau Kerteh

Oleh
HUSNI BIN YAHYA

Satu Tesis Yang Disediakan Untuk Memenuhi
Sebahagian Dari Syarat Untuk Penganugerahan

DIPLOMA LANJUTAN PERANCANG BANDAR DAN WILAYAH

JABATAN PERANCANG BANDAR DAN WILAYAH
KAJIAN SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM

APRIL 1982

SINOPSIS

Perancangan kawasan perumahan yang dijalankan adalah bermatlamat, untuk mengujudkan corak persekitaran perumahan yang ideal. Tetapi di dalam usaha ke arah matlamat tersebut, ianya masih gagal untuk mencapai tujuan yang diharapkan kerana perancangan yang dijalankan tidak menitikberatkan faktor-faktor persekitaran dan kemaknusiaan. Oleh itu sering terdapat masalah dari segi penerimaan penduduk dan kesesuaiannya. Adalah menjadi tujuan penyediaan tesis ini, untuk mengkaji dan menganalisa masalah-masalah yang dihadapi agar penyelesaian dapat diadakan.

Untuk penyediaan tesis ini dua kawasan kajian kes telah diambil, iaitu Bandar Baru Durian Mas dan Rasau Kerteh di kawasan pembangunan KETENGAH. Kedua-dua bandar tersebut dikaji dari segi sosio ekonomi semasa penduduk dalam hubungannya dengan landskap.

Dari kajian ini, beberapa masalah telah dikenalpastikan yang telah menghalang dari pencapaian perancangan konsep In-situ landskap. Masalah tersebut meliputi aspek-aspek berikut iaitu polisi yang tidak menyeluruh dan lengkap, ketiadaan pelan landskap yang terperinci, masalah fizikal kawasan, kakitangan. Ketidadaan unit landskap, kordinasi, kurangnya daya cipta dan pesepsi pegawai yang bertugas, masa, kewangan, penglibatan masyarakat tempatan, penglibatan jururancang swasta dan masalah kontrektor.

Berdasarkan kepada masalah-masalah yang telah dikenalpastikan, dan berpandukan juga kepada kajiselidik sosio ekonomi didapati corak kehidupan penduduk telah berubah, seperti aspek pergaulan. Disamping itu keseluruhan penilaian persekitaran yang telah dibuat dengan mengambilkira dua kampung contoh sebagai asas pengiraan, memperlihatkan kedua-dua kawasan kajian kes adalah di bawah taraf yang sepatutnya.

Oleh itu penyelesaian yang berupa strategi dan konsep perancangan telah dicadangkan, yang mana cadangan ini dapat dijadikan panduan membaiki lagi sistem perancangan yang telah wujud.

Akhirnya perlu dijelaskan di sini, bahawa dalam erti kata yang sebenarnya kajian ini belumlah sempurna dan lengkap. Walaubagaimana pun ianya telah dapat membuka jalan ke arah perancangan landskap yang lebih terperinci.

PENGHARGAAN

Di atas kejayaan penyediaan tesis ini, saya merakamkan penghargaan kepada mereka-mereka yang telah memberi sumbangan secara langsung atau tidak. Tanpa pertolongan mereka yang berupa nasihat, maklumat dan tenaga mungkin menyulitkan penyediaannya.

Setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada kedua-dua penyelia tesis, iaitu Puan Salehaton Hussein Sazally dan Mr. David Yap Boo Heong di atas bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar yang berguna. Seterusnya kepada kakitangan pengajar Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah, Institut Teknologi MARA dan kawan-kawan seperjuangan.

Penghargaan juga diberikan kepada pengurusan dan kakitangan KETENGAH, kerana mengizinkan saya mengkaji kawasan mereka serta pertolongan mereka yang berupa maklumat-maklumat dan nasihat.

Seterusnya rakaman penghargaan ini ditujukan kepada Encik Basir Hamid, Engku Azmi bin Engku Abdul Rahman dan kawan-kawan, di atas sumbangan mereka yang tidak terkira nilainya.

Tidak ketinggalan juga ribuan terima kasih kepada Encik Zaki bin Abdullah dan Cik Saripah Ibrahim kerana menyiapkan penaipan tesis ini.

Disamping itu sekalung penghargaan kepada isteri yang telah memberi dorongan dan galakan semasa di Institut Teknologi MARA.

2000
2000

<u>KANDUNGAN</u>	<u>MUKA SURAT</u>
SINOPSIS	i
PENGHARGAAN	iii
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI GAMBAR	xiii
LAMPIRAN	xiv

BAB 1

1.0 DILEMMA DALAM LANDSKAP	1
1.1 TAKRIF DAN KLASIFIKASI LANDSKAP	7
1.2 PEMBENTUKAN KONSEP IN-SITU LANDSKAP	12
1.3 PERKEMBANGAN LANDSKAP DI NEGARA BARAT	13
1.4 PERKEMBANGAN LANDSKAP DI SINGAPURA	15
1.5 PERKEMBANGAN LANDSKAP SEMASA DI MALAYSIA	16

BAB 2

2.0 KAWASAN KAJIAN	20
2.1 OBJEKTIF	21
2.2 TAMPANG MUKA KAWASAN KAJIAN	25

BAB 3

3.0 PERANCANGAN DI KETENGAH	41
3.1 PROSES PERANCANGAN	41
3.2 IMPLIMENTASI	61
3.3 ORGANISASI PERANCANGAN	67
3.4 IMPLIKASI PERANCANGAN	77

BAB 4

4.0 PENERIMAAN PENDUDUK	81
4.1 PERANAN ALAM TUMBUHAN DALAM KEHIDUPAN MANUSIA	81
4.2 PERSEPSI MASYARAKAT	91
4.3 ANALISA SOSIO EKONOMI	99
4.4. PENILAIAN PERSEKITARAN	161
4.5 TARAF KEPUASAN MINIMA	168

BAB 5

5.0 PEMBENTUKAN STRATEGI, CADANGAN DAN PENUTUP	170
5.1 KAEDAH PENGGUNAAN TEKNIK METRIK PERHUBUNGAN	172
5.2 PEMBENTUKAN OBJEKTIF	181
5.3 PEMBENTUK STRATEGI	185
5.4 CADANGAN KONSEP LANDSKAP	200
5.5 PENUTUP	205

BAHAN RUJUKAN

LAMPIRAN

SENARAI JADUALMUKA SURATJadual

1 -	Pembangunan Pertanian Durian Mas	28
2 -	Klassifikasi Pembangunan Pertanian di-Pendalaman Durian Mas	29
3 -	Unjuran Penduduk Mengikuti Fasa Durian Mas	31
4 -	Keperluan Perumahan Durian Mas	33
5 -	Pembangunan Pertanian Rasau Kerteh	35
6 -	Unjuran Penduduk Mengikut Fasa Rasau Kerteh	38
7 -	Keperluan Perumahan di Rasau Kerteh	39
8 -	Perjawatan KETENGAH sejak tahun 1973	71
9 -	Perbelanjaan Yang Telah Digunakan	78
10 -	Anggaran Perbelanjaan Penanaman Pokok Di Tepi Jalan	79
11 -	Struktur Penduduk Durian Mas	104
12 -	Kerja	106
13 -	Pendapatan	107
14 -	Masa Bekerja	108
15 -	Penerimaan Penduduk	109
16 -	Keadaan Hawa di Siang Hari	110
17 -	Keadaan Hawa Malam Hari	111
18 -	Persekitaran di Musim Hujan	112
19 -	Persekitaran Musim Panas	113
20 -	Perasaan Penduduk Mula-Mula Berpindah	114
21 -	Jarak Dari Rakan	115
22 -	Perhubungan	116
23 -	Jenis Masyarakat	117

24	- Ruang Kanak-Kanak Bermain	118
25	- Aktibiti Selepas Kerja	119
26	- Jenis Aktibiti	120
27	- Aktibiti Keluarga	120
28	- Kumpulan Resmi Yang Dilibatkan	121
29	- Pekerjaan Di Kampong Asal	122
30	- Pendapatan	123
31	- Penerimaan Penduduk	124
32	- Kesesuaian	125
33	- Hawa Kawasan Rumah	126
34	- Jarak Dari Rakan	127
35	- Sifat Perhubungan	128
36	- Jenis Masyarakat Setempat	129
37	- Aktibiti Sebelah Petang	130
38	- Tempat Anak-Anak Bermain	130
39	- Aktibiti Keluarga	131
40	- Kumpulan Resmi	132
41	- Ke kerap an Berjumpa	132
42	- Penglibatan Dalam Persatuan	133
43	- Struktur Penduduk Rasau Kerteh	135
44	- Kerja	136
45	- Pendapatan	137
46	- Masa Bekerja	138
47	- Penerimaan Penduduk	139
48	- Hawa Siang Hari	140
49	- Hawa Waktu Malam	140

50	- Persekitaran Musim Hujan	141
51	- Persekitaran Musim Panas	142
52	- Perasaan Penduduk Mula-Mula Berpindah	143
53	- Jarak Dari Rakan	144
54	- Corak Perhubungan	145
55	- Jenis Masyarakat	145
56	- Ruang Untuk Anak-Anak Bermain	146
57	- Aktibiti Selepas Kerja	147
58	- Jenis-jenis Aktibiti	147
59	- Aktibiti Keluarga	148
60	- Kumpulan Resmi Yang Dilibatkan	149
61	- Kekерapan Berjumpa	150
62	- Penglibatan	150
63	- Pekerjaan	151
64	- Pendapatan	152
65	- Penerimaan Penduduk	152
66	- Kesesuaian	153
67	- Hawa Kawasan Rumah	153
68	- Jarak Dari Rakan	154
69	- Sifat Perhubungan	155
70	- Jenis Masyarakat Setempat	156
71	- Aktibiti Sebelah Petang	157
72	- Ruang Anak-Anak Bermain	157
73	- Aktibiti Keluarga	158
74	- Kumpulan Resmi	159
75	- Kekерapan Berjumpa	159

76	- Penglibatan	160
77	- Penilaian Persekitaran Kes Kajian	162
78	- Penilaian Persekitaran Kampong Contoh	166
79	- Nilai Kepuasan	168
80	- Pengkaitan Faktor Sebab Dan Akibat Antara Masalah	174
81	- Pengasingan Faktor Sebab Dan Akibat	176
82	- Jumlah Mata Pengkaitan Masalah	177
83	- Susuntingkat Masalah Dan Penentuan Masalah Utama	179
84	- Rangkaian Masalah Terpenting	180
85	- Cadangan Objektif	181
86	- Syarat-syarat Pencapaian Objektif	184
87	- Bahan Pencapaian Objektif	187

SENARAI RAJAH

<u>Rajah</u>	<u>Muka Surat</u>
1 - Model Interaksi Komponen "Ecosystem"	5
2 - Kawasan Pembangunan KETENGAH	22
3 - Bandar Baru Durian Mas Fasa I	27
4 - Pembangunan Pertanian Durian Mas	30
5 - Bandar Baru Rasau Kerteh Fasa I	34
6 - Pembangunan Pertanian Rasau Kerteh	37
7 - Jalan Masuk Yang Tidak Sama	47
8 - Jalan Masuk Yang Mempunyai Jarak Yang Sama	47
9 - Lot-Lot Yang menghadap Sebelah Jalan	48
10 - Jalan Yang Mempunyai Zon Pemisahan(Both Sides)	48
11 - Cul-De-Sac Jangkauan (225' Radius)	49
12 - Cul-De-Sac Jangkauan 21'-25' (with Foorpath Access)	49
13 - Lencungan Jalan (Road Bend)	50
14 - Lencungan Jalan 90 (Acute Angle)	50
15 - Jalan Yang Terlibat Dengan Pembentung	51
16 - Simpang 'T' Terjadi Disebabkan Oleh Dua Jalan Utama	51
17 - Simpang Dibentuk Oleh "Secondary Road" Dan Jalan Utama	52
18 - Simpang Yang Dibentuk Oleh Dua Jalan Kecil	52
19 - Lukisan Rentas Untuk "Footpath" dan Jalan	52

20	- Lukisan Rentas - Alternatif Panduan	53
21	- Lukisan Rentas - Alternatif Panduan	53
22	- Lukisan Rentas - Alternatif Panduan	53
23	- Simpang Empat Dibentuk Oleh Dua Jalan Utama	54
24	- Simpang Empat Dibentuk Oleh "Secondary Road" Dan Jalan Utama	54
25	- Simpang Empat Dibentuk Oleh Dua "Secondary Road"	54
26	- "Staggered Road"	55
27a	- Analisa Kecerunan Durian Mas	59
27b	- Analisa Kecerunan Rasau Kerteh	60
28	- Contoh Kawasan Yang Terlibat Dengan Pembersihan Hutan (Clearing Contract)	63
29	- Penyediaan Lot Perumahan	66
30	- Organisasi Perancangan	68
31	- Carta Alir Kordinasi Projek	74
32	- Carta Alir Teknik Metrik Perhubungan	172
33	- Rangkaian Objektif	186
34	- Rangkaian Strategi	189
35	- Cadangan Carta Alir Kordinasi Projek	197
36	- Konsep Landskap	201
37	- Landskap Di Jalan Lurus Dan Penanaman Pokok Sebagai Pagar	201
38	- Landskap Di Persimpangan	201
39	- Teknik Penyediaan Pelan Landskap	202

SENARAI GAMBAR

<u>Gambar</u>	<u>Muka Surat</u>
1 - Sehelai kain batik yang mana coraknya diilhamkan dari unsur-unsur tumbuhan	83
2 - Pokok-pokok dijadikan penanda kawasan rumah	85
3 - Pinggan mangkuk yang mempunyai rekabentuk alam tumbuhan	86
4 - Katil yang diukir	87
5 - Lubang angin	88
Gambar-gambar analisa persepsi penduduk	92

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran A - Pelan Lokasi Kampong Pangkal Gerap, Pasir
Mas, Kelantan.
- Lampiran B - Pelan Lokasi Kampong Paloh, Kuala Trengganu
- Lampiran C - Kajian Sosio Ekonomi Kampong Pangkal Gerap
- Lampiran D - Kajian Sosio Ekonomi Kampong Paloh
- Lampiran E - Gambar Persekitaran Durian Mas
- Lampiran F - Gambar Persekitaran Rasau Kerteh
- Lampiran G - Gambar Persekitaran Kampong Pangkal Gerap
- Lampiran H - Gambar Persekitaran Kampong Paloh
- Lampiran I - Soalan Kajiselidik Sosio Ekonomi Untuk
Kajian Kes
- Lampiran J - Soalan Kajiselidik Sosio Ekonomi Untuk
Kampong Contoh

1.0. DILEMMA DALAM LANDSKAP

Dalam arus pembangunan yang pesat dan kadar pertumbuhan penduduk yang tinggi, keadaan penempatan tidak lagi dapat menampung keselesaan penduduk. Kalau dahulunya kenikmatan alam semulajadi dapat dirasai tetapi sumber-sumber ini beransur hilang. Contohnya di negeri-negeri di negara ini yang penuh dengan pemandangan yang asli dan menarik telah mula dicabuli. Keadaan ini berpunca dari kepesatan pembangunan fizikal tanpa kawalan seperti pembangunan perindustrian, perumahan, pembangunan wilayah dan lain-lain.

Pada amnya kita memerlukan pembangunan dan di sebalik itu keperluan persekitaran yang sihat juga diharapkan. Kita seharusnya dapat memperseimbangkan kedua-dua aspek tadi tanpa memulaukan di antara satunya. Peristiwa pembinaan tempat-tempat kediaman di kalangan serangga, unggas dan lain-lain haiwan merupakan satu keistimewaan yang dikurniakan oleh Yang Maha Berkuasa kepada makhluknya dalam apa bentuk ia dijadikan, membuktikan "keharmonian yang menyeluruh dengan keadaan persekitaran yang terdapat. Sarang-sarang tempua yang diperbuat dari tenunan urat-urat daun dengan bentuknya seperti loceng tergantung pada hujung-hujung dahan di kawasan yang terdedah kepada tiupan angin adalah satu contoh kepastian

hakikat ini. (1) Batasan yang dikenakan oleh alam sekitar terhadap kediaman haiwan sama mempengaruhi penempatan yang dihasilkan oleh manusia. Cuma yang berbeza ialah bentuk dan kadarnya sahaja yang disebabkan oleh faktor-faktor ekonomi, sosial dan tidak kurang pentingnya faktor "idaman".

Walaupun kedua-dua faktor sosial dan idaman merupakan sebahagian daripada faktor yang penting tetapi keutamaan ekonomi sering menjadi tumpuan. Masalah pembalakan yang diura-urakan akan dijalankan di Endau Rompin memperlihatkan keutamaan perindustrian dipertekankan tanpa mengira keperluan menjaga kepentingan alam semulajadi. (2) Keadaan ini berpunca dari tindakan kita yang mementingkan kebendaan tanpa menghitung kesan-kesannya. Kita tidak dapat mentafsirkan, kesan-kesan sampingan yang akan terjadi disebabkan sikap kita yang tidak mempedulikan "Natural Laws". (3)

(1) Abdul Rahim Abdullah - Pengenalan Senibina Melalui Aspek-Aspek Fizikal Dalam Senibina Ke Arah Identiti Kebangsaan, 20hb. Jun, 1981. (Kertas Seminar)

(2) New Straits Times - 9th. May, 1972

(3) Gill, Don - Nature In Urban Landscape, York Press Inc., New York 1973, m.s. 8.

Seperti diterangkan tadi, manusia merupakan unsur pengubah kepada persekitaran, contohnya mereka bertindak menyusun semula, menambah, mengguna, membuang satu-satu objek ataupun memusnahkannya. Hasil secara langsung dari tindakan tersebut ialah satu rangsangan dan "response" daripadanya. Oleh itu alam sekitar itu ialah hasil kedua-dua ciri manusia. Keadaan ini membayangkan manusia itu adalah satu kehidupan yang mempunyai matlamat dan kawalan terhadap alam sekiranya sendiri.

Sebaliknya di dalam situasi mana sekalipun seseorang individu itu akan cuba mengatur alam persekitaran fizikalnya yang membolehkan pencapaian kebebasan memilih dan bertindak secara kreatif mencetuskan perasaan terkongkong dan terasing. Contoh yang paling jelas dapat dilihat ialah pembangunan perumahan hari ini yang tidak mengambilkira unsur-unsur semulajadi seperti tumbuhan dan pokok-pokok. Keadaan ini mengongkong kreativiti penduduk dari segi penglihatan dan pemikiran mereka. Perubahan radikal dari segi mental dan psikologi menimbulkan kejutan budaya dan pemikiran. Keadaan ini memperlihatkan bahawa elemen fizikal mempunyai pengaruh dan kesan ke atas tingkah laku.⁴ Elemen fizikal juga

⁴ Rapoport, Amos - An Anthropological Approach to Environmental Design Research dipetik dari Responding to Social Change oleh Basil Honikman (ed) Hutchinson and Ross, Dowden 1975, m.s. 145 - 151.

berkemungkinan memberi kesan kepada persepsi manusia tentang kualiti persekitaran dan corak kehidupan yang baik. (5) Suasana hari ini terjadi kerana kita masih lagi tidak dapat memahami pertalian di antara "living organism" dan persekitaran yang dipanggil "ecosystem" iaitu satu sistem interaksi yang melibatkan kumpulan "organism" dan persekitaran fizikalnya. Memahami ecosystem memerlukan pemahaman ke atas perhubungan beberapa komponennya. (6) Perhubungan asas "biotic" iaitu merangkumi tumbuh-tumbuhan dan binatang dengan "abiotic" iaitu air, udara dan lain-lain dipengaruhi oleh lain-lain komponen. Persekitaran adalah siri penghubung interaksi di antara elemen-elemennya dan manusia Perhubungan ini adalah tersusun dan mempunyai bentuknya sendiri. (7) Pengubahan di antara satu komponen akan memberi kesan ke atas yang lain. Contohnya manusia itu


(5) Sherif, Musafir - Varieties of Social Stimulus Situations dipetik dari Stimulus Determinants of Behaviour oleh S.B. Sells (ed), Ronald Press, New York, m.s. 82 - 106.

(6) Chanlett, Emil T. - Environmental Protection. McGraw Hill Book Com. New York 1979 m.s. 23 -27.

(7) Rapoport, Amos - Human Aspect of Urban Form Towards A Man-Environmental Approach To Urban Form and Design Pergamon Press, Oxford 1977 m.s. 9.

sebahagian daripada elemen yang terdapat dalam proses evolusi dan dicantumkan kehidupannya dengan proses pernafasan, air dan makanan. Kedua-dua air dan makanan tadi akan memasuki proses pusingan (cycle) di mana manusia membuang sisa-sisanya (sama ada najis) ke tanah dan daripada tanah ianya dihisap oleh tisu-tisu pokok dan seterusnya kepada binatang.⁸ Proses ini merupakan proses yang berulang-ulang. Sebagai contoh, model ini menunjukkan perhubungan di antara komponen-komponennya

Rajah 1: MODEL INTERAKSI KOMPONEN "ECOSYSTEM"



⁸ Colvin, Brenda - Land and Landscape Evolution, Design and Control William Chows and Son Ltd. London, 1970, m.s. 2

iaitu manusia, iklim, tanah, tumbuhan dan binatang ditimbaltindihkan di atas 3 bulatan berkait iaitu permukaan tanah, air dan udara. (9)

Model ini diubahsuaikan daripada G.M. Van Dyne "The Ecosystem Concept in Natural Resource Management" Academic Press Inc. New York 1969, m.s. 329.

Sehingga satu masa yang sukar ditentukan manusia akan sedar kepentingan undang-undang semula jadi. Dan diperingkat kemusnahan ini, ciri-ciri landskap dipertengahan. Sebab-sebab perlunya perancangan landskap adalah berdasarkan kepada 3 andaian:

- i. Susunatur alam semulajadi di dunia ini telah dicabuli oleh aktibiti-aktibiti manusia. Hanya manusia dan segala kehendak dan usahanya dapat mengatasi masalah ini.
- ii. Untuk tujuan ini, pertama kalinya "ecosystem" diambil berat.

iii. Arah tujuan manusia mengatasi binatang.

Mereka membentuk unjuran persekitaran ke alam semulajadi secara abstrak. Setelah kesedaran ke arah "biological" timbul, barulah peringkat "revolusi hijau" bermula. (10)

Untuk mengilhamkan satu rekabentuk yang ideal, mereka-mereka seharusnya memikirkan ruang persekitaran yang paling rapat dengan kehendak penduduk berpandukan kepada sumber-sumber yang ada, keadaan sekeliling dan ciri-ciri manusia sebagai asas pertimbangan.

1.1. TAKRIF DAN KLASIFIKASI LANDSKAP

Kebanyakan penulisan tentang landskap yang dibuat di negeri-negeri Barat mendefinasikan landskap berbeza-beza. Satu daripada definasinya ialah landskap itu biasanya ditakrifkan sebagai kawasan yang mempunyai ciri-ciri yang dominant dari bahan-bahan semulajadi, seperti rumput-rumput, tanam-tanaman, tumbuh-tumbuhan, pokok-pokok, tanah dan juga batu. (11)

(10) Geoffrey - The Landscap of Man. Shaping The Environment from Pre-History to Present Day Thames and Hudson, London 1975 m.s. 7

(11) Handisyde, Cecial C. - Hard Landscape in Brick The Architectural Press Ltd. London 1976 m.s. 3.

Definasi di atas tidaklah begitu jelas kerana ianya masih lagi boleh dipecahkan kepada dua jenis asas iaitu "landskap lembut" dan "Landskap keras". "Landskap lembut" didefinasikan sebagai sumber yang digunakan adalah elemen asli dan "landskap keras" pula didefinasikan sebagai penggunaan elemen-elemen rekaan manusia. ⁽¹²⁾ "Landskap keras" juga diinterpretasikan sebagai "town scene" yang diselubungi oleh kawasan-kawasan yang bersimen (hard paved areas) dan dikelilingi oleh bangunan ataupun ianya boleh diinterpretasikan sebagai konkrit. ⁽¹³⁾

Dari definasi di atas ianya menggambarkan bahawa landskap lembut itu menekankan kepada penggunaan elemen-elemen asli seperti pokok-pokok dan lain-lain tumbuhan. Penggunaan pokok-pokok dan tumbuh-tumbuhan dalam landskap boleh diklasifikasikan kepada tiga jenis iaitu tumbuhan asli, tumbuhan pertanian dan tumbuhan perhiasan. ⁽¹⁴⁾

⁽¹²⁾ DARA - Guidelines for Landscape Design for DARA Towns and Units Cost for Hard Landscape, 29th. June, 1977.

⁽¹³⁾ Op-Cit - Handisyde, Cecil C. m.s. 3

⁽¹⁴⁾ Eckbo, Garrett - Home Landscape Revised and Enlarged Edition McGraw Hill Inc. New York 1978. m.s. 26 - 31